

29 JUL 2001

Mahathir - Kelantan

TERPULANG KEPADA SULTAN KELANTAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Soal sama ada pindaan Undang-undang Tubuh Negeri Kelantan yang mengehadkan kuasa dan fungsi Sultan akan menjadi undang-undang terserah kepada keputusan Sultan Kelantan sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata bahawa pindaan itu tidak akan menjadi undang-undang jika Sultan Kelantan tidak menandatangani.

Pindaan yang dibuat oleh kerajaan negeri Kelantan itu tidak boleh disamakan dengan pindaan Perlembagaan yang dibuat oleh kerajaan pusat mengenai kuasa raja-raja pada 1993, katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyaksikan dan menyampaikan hadiah pada Kejohanan Ekuestrian Antarabangsa TNB 2001 di sini.

"Kita buat dengan niat lain. Kita bukan niat pasal perkara yang remeh-temeh macam nak balas dendam. Kita tak ada niat balas dendam.

"Kita cuma nak ada undang-undang ini (pindaan perlembagaan) untuk jaga orang ramai, kalau-kalau ada perbuatan yang bercanggah dengan undang-undang oleh raja-raja...tapi ini (pindaan perlembagaan Kelantan) bukan kerana itu, ini niat lain," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Tengku Razaleigh Hamzah semalam bahawa Sultan Kelantan tidak akan menandatangani pindaan perlembagaan itu yang telah diluluskan oleh Dewan Undang negeri Kelantan pada 25 Jun lepas.

Perdana Menteri mempersoalkan niat di sebalik pindaan itu kerana ia cuma dilakukan sekarang dan bukan ketika pindaan Perlembagaan Persekutuan berhubung kuasa raja-raja pada 1993.

"Kalau mereka mempunyai niat yang sama dengan kita untuk menghalang daripada perlakuan jenayah oleh raja-raja, sepatutnya dulu lagi mereka dah luluskan undang-undang ini. Kenapa sekarang baru nak lulus...ada niat lain." katanya.

Mengenai prosedur sekarang dengan tahun 1993, Dr Mahathir berkata: "Prosedur dari segi buat undang-undang biasa sahaja...Dewan Undangan Negeri lulus undang-undang tapi mesti dapat tandatangan daripada raja."

Di KOTA BAHARU, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengeluarkan arahan kepada semua pemimpin kerajaan negeri supaya tidak membuat sebarang kenyataan mengenai pindaan itu, demikian menurut Timbalan Menteri Besar Datuk Abdul Halim Abdul Rahman.

Beliau berkata arahan itu berkuatkuasa 15 Julai lepas iaitu tarikh rang undang-undang pindaan itu diserahkan kepada Istana Kelantan untuk ditandatangani oleh Sultan.

Ditanya sekiranya benar Sultan enggan menandatangani pindaan berkenaan, Abdul Halim berkata semua kenyataan berhubung perkara itu hanya boleh dikeluarkan selepas tempoh dua bulan.

--BERNAMA

BD MAI